



NEWSLETTER

DOSM/SDG/BPHPP/1.2021/SIRI 2



TIADA KEMISKINAN:

MENAMATKAN SEMUA JENIS KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

Bilangan negara yang menerapkan strategi pengurangan risiko bencana nasional

8

1

Isi rumah di bawah paras kemiskinan antarabangsa

Bilangan orang yang terjejas dengan kediaman yang rosak akibat bencana bagi setiap 10,000 penduduk

7

2

Isi rumah di bawah paras kemiskinan nasional

8 INDIKATOR TERSEDIA

daripada 13 indikator

6

3

Indeks kemiskinan pelbagai dimensi

Bilangan kematian akibat bencana bagi setiap 10,000 penduduk

Penduduk yang menggunakan perkhidmatan air minuman yang diuruskan dengan selamat

5

4

Bilangan penerima bantuan

Peratusan insiden kemiskinan adalah berdasarkan kepada nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baharu pada 2019. Nilai PGK baharu ini telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa dan ia juga melibatkan penyemakan semula nilai PGK 2016. Berdasarkan metodologi 2019 ini, nilai purata PGK di peringkat nasional adalah RM2,208 sebulan manakala purata nilai PGK Makanan adalah RM1,169 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.9 orang.



Insiden kemiskinan mutlak keseluruhan bertambah baik dengan 7.6 peratus (525,743 isi rumah) pada 2016 kepada 5.6 peratus (405,441 isi rumah) pada 2019



INDEKS KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI (MPI)

MPI adalah pengukuran kemiskinan dalam konteks yang lebih luas iaitu melibatkan aspek:

1 Pendidikan


2 Kesihatan

3 Taraf Hidup

4 Pendapatan



Garis ketersisihan (*deprivation cut-off*) merupakan piawaian yang ditetapkan bagi setiap indikator bagi menentu dan mengenal pasti ketersisihan sesebuah isi rumah. Ia ditentukan berdasarkan kepada dasar dan piawaian semasa yang selaras dengan pembangunan sosioekonomi negara. Penggunaan MPI dapat membantu mengenal pasti tahap kemiskinan rakyat dengan lebih menyeluruh, selain dimensi pendapatan.



Dimensi	Indikator	Garis Ketersisihan	Wajaran	Peratusan Ketersisihan Isi Rumah (%)	
				2016	2019
Pendidikan	Jumlah tahun persekolahan	Semua ahli isi rumah di antara 13 hingga 60 tahun mempunyai kurang daripada 6 tahun persekolahan	1/8	1.2	1.0
	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak di antara 6 hingga 12 tahun yang tidak bersekolah	1/8	0.4	0.4
Kesihatan	Akses kepada perkhidmatan kesihatan	Jarak ke kemudahan kesihatan melebihi 5 km dan tiada perkhidmatan kesihatan bergerak disediakan	1/8	6.8	6.5
	Akses kepada bekalan air bersih	Selain daripada bekalan air paip terawat dalam rumah dan paip air awam/pili awam	1/8	4.1	3.9
Taraf Hidup	Kedaaan tempat kediaman	Buruk atau mulai buruk	1/24	2.9	3.7
	Kepadatan bilik	Melebihi 2 ahli isi rumah bagi setiap bilik	1/24	12.0	9.5
	Kemudahan tandas rumah	Selain tandas tarik dan tandas curah	1/24	0.3	0.4
	Akses kepada kemudahan kutipan sampah	Tiada kemudahan kutipan sampah	1/24	14.9	13.3
	Penggunaan kemudahan pengangkutan	Kesemua ahli isi rumah tidak menggunakan kemudahan pengangkutan persendirian atau kemudahan pengangkutan awam	1/24	0.5	0.6
	Akses kepada peralatan komunikasi asas	Tidak mempunyai telefon talian tetap atau telefon bimbit	1/24	1.4	1.1
Pendapatan	Pendapatan bulanan kasar isi rumah	Pendapatan bulanan kasar isi rumah kurang daripada PGK isi rumah	1/4	7.6*	5.6

Nota: * Angka disemak berdasarkan metodologi PGK 2019